



## GARIS PANDUAN TUNTUTAN ALAT BANTUAN OPTIK UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan menjelaskan pelaksanaan **Tuntutan Alat Bantuan Optik** yang diberikan kepada staf UKM termasuk staf Hospital Pengajar (HCTM dan HPKK) yang layak.
- 1.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil.2/2020 bertarikh 20 Februari 2020 telah meluluskan Pekeliling Perkhidmatan Bil.10/2019: Pengukuhan Pelaksanaan Pemberian Elaun dalam Perkhidmatan Awam yang telah menyenaraikan Pembayaran Balik Pembelian Cermin Mata sebagai salah satu daripada 143 elaun dalam perkhidmatan awam yang dikekalkan berkuatkuasa 1 Januari 2020;
- 1.3 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) bertarikh 10 Februari 2022 telah meluluskan bayaran balik tuntutan ini dengan menggunakan nama Tuntutan Alat Bantuan Optik supaya bantuan alat yang diberikan lebih menyeluruh;
- 1.4 Alat Bantuan Optik merujuk kepada cermin mata atau kanta sentuh untuk tujuan pembetulan ralat refraksi yang signifikan (rabun dekat, rabun jauh dan/atau silau) untuk meningkatkan keupayaan penglihatan seseorang; dan
- 1.5 Tuntutan Alat Bantuan Optik boleh dibuat untuk preskripsi alat bantu penglihatan bagi tujuan pembetulan ralat refraksi yang signifikan atau kurang keupayaan penglihatan yang disebabkan oleh faktor umur, masalah kesihatan mata atau punca lain yang dan telah diperakukan oleh Pegawai Optometri berdaftar penuh dan berstatus aktif dengan Majlis Optik Malaysia.

### 2.0 KELAYAKAN

- 2.1 Staf yang berstatus tetap, sementara, kontrak (*contract of services*);
- 2.2 Tanggungan adalah tidak layak bagi membuat tuntutan ini;
- 2.3 Pembelian yang dibenarkan untuk tuntutan adalah seperti:
  - a) Cermin mata untuk pembetulan ralat refraksi signifikan;
  - b) Kanta lekap untuk pembetulan ralat refraksi signifikan; dan
  - c) Alat bantu penglihatan optikal khas atau kanta sentuh khas untuk meningkatkan ketidakupayaan penglihatan.

- 2.4 Pembelian yang tidak dibenarkan untuk tuntutan adalah seperti:
- Cermin mata hitam (*sunglasses*); dan
  - Alatan aksesori cermin mata;
  - Kanta lekap untuk tujuan kosmetik iaitu tiada preskripsi ralat refraksi.

### 3.0 PROSES TUNTUTAN

- 3.1 Kadar ditetapkan adalah **RM300 untuk setiap dua (2) tahun**. Baki kadar perlu dihabiskan pada tahun kalendar tersebut;
- 3.2 Jika kos bagi alat bantuan optik adalah melebihi kadar yang ditetapkan, kos tersebut adalah ditanggung oleh staf itu sendiri;
- 3.3 Mengisi **Borang Tuntutan Alat Bantuan Optik** beserta laporan pemeriksaan mata dan pengesahan dari optometrist berdaftar penuh dan berstatus aktif dengan Majlis Optik Malaysia;
- 3.4 Borang yang telah lengkap bersama resit asal (sah sehingga enam bulan dari tarikh resit) perlu dihantar untuk pengesahan dan proses bayaran balik kepada:
- 3.4.1 Kampus Bangi & Kampus Kuala Lumpur (Jalan Raja Muda)**  
Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan  
Jabatan Pendaftar  
E-mel: kbpk@ukm.edu.my
  - 3.4.2 Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)**  
Jabatan Pengurusan Fasiliti Bersepadu  
E-mel: shasheela@ppukm.ukm.edu.my
  - 3.4.3 Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK)**  
Jabatan Pentadbiran Am  
E-mel: pentadbiranamhpkk@ppukm.ukm.edu.my
- 3.5 Borang tuntutan hendaklah dikemukakan kepada urusetia untuk proses bayaran balik dan direkod ke dalam sistem;
- 3.6 Sekiranya tiada sebarang tuntutan dibuat dalam tempoh sah laku tuntutan, atau terdapat baki yang tidak habis digunakan bagi tahun kalendar tersebut, maka baki untuk tahun tersebut akan dikira luput dan tidak boleh dibawa ke tahun hadapan; dan
- 3.7 Setiap tuntutan **WAJIB** mendapatkan pemeriksaan daripada mana-mana Optometri berdaftar penuh dan berstatus aktif dengan Majlis Optik Malaysia.

#### 4.0 KHIDMAT NASIHAT KESIHATAN MATA

4.1 Antara klinik yang boleh memberi khidmat nasihat kesihatan mata dan alat bantuan optik adalah seperti berikut:

- |  |   |
|--|---|
| a) <b>Klinik Optometri UKM</b><br>Fakulti Sains Kesihatan (FSK)<br>Jalan Raja Muda Abdul Aziz<br>50300 Kuala Lumpur<br>Tel: +603-9289 7499/7600<br>e-mel: klinikoptometri@ukm.edu.my | b) <b>Klinik Oftalmologi HCTM</b><br>Tingkat 1, Blok Klinikal,<br>Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)<br>Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak,<br>56000 Cheras, Kuala Lumpur<br>Tel: + 603-9145 7181 |
|--|---|

#### 5.0 PENGUATKUASAAN

Garis panduan Tuntutan Alat Bantuan Optik Universiti Kebangsaan Malaysia berkuat kuasa mulai **1 April 2024**.

**Disediakan oleh:**

Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan

Jabatan Pendaftar

Tarikh: 14 Mac 2024